

MRT: RM20 juta untuk kontraktor bumiputera

KUALA LUMPUR - Projek Transit Aliran Pantas (MRT) bagi laluan Sungai Buloh ke Kajang telah menyerahkan 50 pakej kerja bernilai RM20 juta kepada kontraktor bumiputera kelas G1, G2, G3 dan G4.

Pakej kerja tersebut diberikan menerusi cabutan undi melibatkan 471 kontraktor yang telah di senarai pendek MRT Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Azhar Abdul Hamid (**gambar**) berkata, usaha tersebut merupakan komitmen MRT Corp terhadap agenda bumiputera.

"Tanggungjawab untuk melaksanakan agenda bumiputera yang diamanahkan kerajaan begitu berat untuk dilaksana-



kan, namun kami mengambil tanggungjawab ini dengan serius untuk membantu membangunkan syarikat bumiputera," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sempena majlis undian kontraktor untuk pakej projek MRT di sini semalam.

Skop kerja untuk kontraktor bumiputera bagi kelas G1, G2, G3 dan G4 termasuk penye-

leenggaraan jalan sedia ada, kerja permukaan perparitan, landskap, pagar dan pintu pagar serta pembinaan tempat menunggu teksi dan bas.

Kelas tersebut ditentukan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan kerja-kerja pembinaan akan bermula akhir tahun ini dan dijangka siap men-

jelang akhir tahun 2014.

Setiap kontraktor diwajibkan menjalani latihan mengenai projek dan pengurusan kewangan selama dua hari sebelum memulakan kerja pembinaan.

Azhar berkata, program tersebut ternyata membuahkan hasil berikutan prestasi tinggi yang ditunjukkan kumpulan pertama yang telah mendapat projek tersebut.

"Saya sangat gembira melihat kejayaan dan prestasi yang ditunjukkan oleh kontraktor kumpulan pertama dan saya berharap dapat melihat tahap sama ditunjukkan oleh kontraktor kumpulan kedua ini," jelasnya.

Pembinaan laluan MRT Sungai Buloh-Kajang sepanjang 51 kilometer kini berjalan sepenuhnya dan dijangka siap menjelang 2016 dan memulakan operasi pada Januari 2017.